

16/09/2001

Gimnas gimrama ada peluang sapu bersih

DENGAN dua pingat emas dalam genggamannya, Malaysia jelas tidak menghadapi halangan untuk menyapu bersih enam pingat emas yang dipertandingkan dalam acara gimnastik berirama.

Keyakinan itu hadir selepas menyaksikan dua gimnas negara, Goh Yi Wei dan Celestie Chan tidak menghadapi sebarang halangan untuk meraih emas dan perak dalam acara individu keseluruhan di Stadium Putra, semalam.

Aksi ceria dan kemas dipamerkan Yi Wei berjaya memukau lebih 7,000 penonton dengan markah terkumpul 98.200 mata untuk emas kedua negara dan dirinya.

Sambil Celestie beraksi dengan tenang berjaya mengumpul 96.575 mata bagi memastikan perak buat negara, manakala pencabar dari Thailand, Pattra Sarikaputra membawa pulang gangsa dengan 95.600 mata.

Yi Wei cemerlang dalam rutin bola (25.25) dan tali (24.900), manakala Celestie menyerlah menerusi rutin belantan (24.60) dan gelung (24.625)

Malah gimnas memperolehi suntikan semangat apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudi meluangkan masa hampir setengah jam menyaksikan mereka beraksi.

Sementara hadiah disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selepas dua hari pertandingan berlangsung, gimnas negara mendominasi dua markah tertinggi dan hanya menghadapi cabaran dalam acara belantan dari peserta Thailand, bagaimanapun mereka masih belum mampu menggugat keupayaan gimnas negara.

Pengurus pasukan, Kulla Chelliah berkata, dia mendapati gimnas tidak menghadapi sebarang saingan sengit setakat ini.

"Andainya gimnas dapat mengekalkan kecemerlangan mereka saya percaya kita tidak menghadapi masalah menyapu bersih baki empat lagi pingat emas esok (hari ini)," katanya.

Dalam pertandingan hari terakhir hari ini, Yi Wei akan beraksi dalam rutin bola, belantan dan gelung. Celestie menerusi rutin tali, bola dan belantan. Sarina Sundra Rajah pula menyertai dua rutin, tali dan gelung.

(END)